



UNIVERSITAS
SUMATERA UTARA



INTERNATIONAL
SUMMER COURSE
ARCHITECTURE
UNIVERSITAS SUMATERA UTARA



CITYSCAPE CRUSADERS
ROMBONGAN PELAJAR
UITM KE ISCA USU 2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perak

TRAVELOG

JELAJAH KOTA MEDAN, INDONESIA

THE INTERNATIONAL SUMMER COURSE ARCHITECTURE USU 2023

DR LIM SENG BOON
NORADZSYIAH ADZHAR
MUHAMMAD IKHWAN HAMZAH



TRAVELOG

JELAJAH KOTA MEDAN, INDONESIA

THE INTERNATIONAL SUMMER COURSE ARCHITECTURE USU 2023

1 OGOS - 10 OGOS 2023

**HISTORIC URBAN LANDSCAPE APPROACH
FOR THE FUTURE OF MEDAN ARCHITECTURAL HERITAGE**

DR LIM SENG BOON
NORADZSYIAH ADZHAR
MUHAMMAD IKHWAN HAMZAH

UiTM Perak Press

Diterbitkan Oleh:
Unit Penerbitan UiTM Cawangan Perak
Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Perak

Alamat:
Unit Penerbitan UiTM Perak,
Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIMA)
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,
32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia

05-3742716
uitmperakpress@gmail.com

© UiTM Perak Press, UiTM 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disalin, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan semula, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara; elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya; tanpa kebenaran bertulis daripada pengarah Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing in Publication Data
No. e ISBN: 978-967-2776-29-1

DR LIM SENG BOON
NORADZSYIAH ADZHAR
MUHAMMAD IKHWAN HAMZAH

Cover Design and Typesetting: Muhammad Ikhwan bin Hamzah

BAB

01

**TOUCHDOWN KUALANAMU
INTERNATIONAL AIRPORT**

WELCOME TO KUALANAMU

ERDINA

HADIF

ZUREEN

AYUNI

AIDIL

SYAMIL

DR. LIM

ANIS

NORA

IKHWAN

FARAHDILA



SETIBANYA DI KOTA MEDAN

Kami selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kualanamu tepat jam 6.30 petang, 20 minit lebih awal daripada jadual yang sepatutnya.

Setelah diberi kebenaran untuk turun daripada pesawat, kami bergegas bangun dari tempat duduk dan mengambil barang-barang yang disimpan di ruang penyimpanan, lantas berjalan bersama-sama masuk ke dalam terminal. Perasaan yang bercampur baur serta keterujaan memandu langkah kami menuju ke ruang imigresen.

Kami berjalan menuju ke bahagian imigresen bagi tujuan pemeriksaan pengesahan dokumen perjalanan sebelum dibenarkan masuk secara sah ke Kota Medan. Sebelum kami ke bahagian pemeriksaan imigresen, ada di antara kami yang pergi ke tandas manakala separuh daripada kami menunggu di ruang legar bahagian ini.

INSIDEN SYAMIL DAN PEGAWAI IMIGRESEN KUALANAMU

Namun sebuah perkara yang tidak dijangka berlaku saat kami sedang menunggu peserta lain. Syamil telah dengan naifnya **mengambil beberapa swafoto** berlatar belakang kaunter imigresen tanpa mengetahui ia adalah satu kesalahan. Syamil yang pada awalnya begitu teruja tersebut terus memuat naik gambar-gambar swafoto berkenaan kepada ahli keluarganya tanpa mengetahui perbuatan tersebut adalah merupakan satu kesalahan di premis berkenaan.

Sedang beliau asyik berswafoto, **kedengaran derapan tapak kaki** beserta suara jerkahan dari arah belakang yang menyentak perbuatannya. Sepantas kilat, kami semua menoleh ke arah suara bengis itu. Kelihatan sebuah susuk tubuh berjalan menuju ke arah Syamil dengan wajah marah sambil bercekak pinggang. Kami percaya beliau merupakan salah seorang daripada pegawai imigresen yang bertugas di situ.





“Hapus! hapus! hapus!”, arahan dengan nada bengis itu dilemparkan kepadaku. Dengan rasa cemas, aku menurut suruhan beliau lalu memadam foto tersebut yang sebelumnya telah aku kirim melalui aplikasi Whatsapp kepada ibuku.

Kemudian, pegawai imigresen tersebut mengarahkan pensyarah pengiring kami, Dr. Lim serta peserta lain untuk terus menuju ke kaunter, meninggalkan aku berseorangan bersama pegawai tersebut. Beliau lantas mengambil pasport ku serta meminta penjelasan ku berhubung gambar yang telah aku ambil. Tambah merisaukan, beliau juga sempat mengugut untuk **menghantar aku dan peserta lain pulang semula ke Malaysia** berikutan tindakan aku sebentar tadi. Rasa bimbang dan cemas makin menyelubungi diriku!

Perkataan **“Maaf Pak”** tidak henti-henti bermain di bibirku, mengharapkan aku dapat dilepaskan oleh beliau. Nasib masih menyebelahi diriku, rasa curiga beliau berjaya aku legakan. Aku dibenarkan untuk terus menuju ke bahagian kaunter imigresen bagi urusan pengesahan dokumen. Pegawai tersebut juga sempat memberi amaran agar aku tidak mengulanginya lagi. Aku tak henti-henti mengucapkan syukur.



Menuju ke arah kaunter pendaftaran
di Lapangan Terbang Antarabangsa
Kualanamu

Malang Pula Bagasi Anis!



Setelah aku melepasi kaunter pendaftaran barangan elektronik, aku bergerak pula ke tempat tuntutan bagasi untuk mengambil bagasi masing-masing. Keadaan di situ agak kelam-kabut kerana setiap orang ingin cepat menyelesaikan urusan di situ. Alangkah terkejutnya aku apabila melihat **roda bagasiku yang sudah tercabut**, namun aku terpaksa untuk terus bergerak ke ruang ketibaan untuk mengejar rakan-rakanku yang sedang mencari wakil Universitas Sumatera Utara (USU).

Namun aku bernasib baik kerana ketua kumpulanku, Aidil mengambil tanggungjawab mengiringi aku ke pejabat AirAsia untuk membuat laporan ke atas kerosakan beg tersebut dan mendapatkan penjelasan berkenaan sebarang tuntutan kerosakan yang telah berlaku pada bagasiku. Namun, setelah mendapat penjelasan dari pegawai AirAsia, **tuntutan kerosakan tidak dapat dilakukan** kerana insuran perlindungan yang telah dibeli ketika kami hendak bertolak ke Kota Medan tidak meliputi perlindungan kerosakan bagasi tersebut. Ekoran daripada situasi tersebut, aku dapat belajar untuk lebih peka dalam urusan pembelian tiket penerbangan dan juga insuran yang berkaitan. Setelah menyelesaikan masalah beg rosak di kaunter perkhidmatan AirAsia, Aku dan Aidil bergerak ke tempat berkumpulnya semua peserta yang lain di ruang ketibaan.



PERTEMUAN LEGASI PELAJAR USU

Aku sebagai ketua kumpulan mengambil tanggungjawab untuk bertemu dahulu dengan wakil USU yang terdiri daripada **Lafenia**, **Ramadhan**, dan **Yohana** yang menyambut ketibaan kami di bumi Medan. Mereka merupakan pelajar tahun akhir yang sedang menanti hari untuk bergraduat secara rasmi. Pada awalnya disebabkan oleh batas bahasa, agak sukar untuk aku memahami apa yang dibicarakan oleh mereka.

Hal ini, membuatkan aku, bahkan rakan-rakan lain kurang berkomunikasi dengan delegasi yang menyambut kami itu. Kami diarahkan untuk terus menaiki bas untuk meneruskan perjalanan ke destinasi. Namun, ketika di dalam perjalanan, kelihatan **proses komunikasi berlaku** dengan agak mesra di antara kami melalui topik-topik asas seperti makanan, kedai-kedai yang mempunyai nama unik, pengangkutan yang sibuk dan tentang Kampus USU sendiri. Barulah aku sedari bahawa di sini lah **titik perkenalan mesra antara kami bermula**. **Lafenia, Ramadhan, dan Yohana** adalah selaku jawatankuasa pelajar ISCA USU 2023 yang ditugaskan untuk mengiringi kami sepanjang keberadaan kami di Kota Medan. Sungguh bertuah rasanya dapat berkenalan lebih akrab dengan mereka.



Situasi berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kualanamu



Sesi bergambar bersama-sama tenaga pengajar dan peserta ISCA USU 2023



Menikmati makan malam dan suasana malam di sekitar Jalan Bukit Barisan, Kota Medan

PERTEMUAN PERTAMA BERSAMA SAHABAT UTM

Kami gembira dapat mengenali sahabat baharu dari **Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** di Indonesia. Waktu itu kami baru mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kualanamu dan alangkah leganya kami apabila melihat dua susuk wanita berjalan dengan beg sandang yang telah dilekat dengan satu pelekat yang tertulis '**ISCA USU 2023 Participant**' dan mereka juga adalah peserta dari Malaysia. Mereka ibarat kakak kepada kami di Indonesia.



Swafoto beramai-ramai ketika sedang menunggu grab di hadapan Wisma International

Begitu banyak kenangan bersama mereka di sana. Mereka adalah **Kak Alya**, seorang yang komited menjalankan sebarang tugas sewaktu berlangsungnya ISCA USU 2023, berbakat dalam melukis dan petah berbicara. Manakala, **Uma**, walaupun beliau berbangsa India tetapi tiada sebarang jarak di antara kami, kami banyak berkongsi idea dan beliau tidak pernah lokek berkongsi ilmu dengan kami sepanjang di sana.

VISMA INTERNASIONAL

RSITAS SUMATERA UTARA



PENJELAJAHAN KOTA MEDAN BERMULA

Akhirnya kami semua berjaya melepasi pemeriksaan imigresen dengan lancar. Daripada situasi tersebut, kami memperolehi satu pengajaran baharu, bahawa, setiap negara mempunyai kod undang-undang yang berbeza dan perlu dipatuhi oleh semua pelancong. Kami juga perlu belajar untuk mengawal rasa teruja kami di tempat-tempat yang mempunyai kawalan ketat seperti itu.

Bas akhirnya tiba dan kami pun bergerak ke 'Wisma Internasional Universitas Sumatera Utara'. Kami cukup teruja kerana ini merupakan pengalaman pertama kami dapat menjejakkan kaki di Kota Medan, Indonesia. Perjalanan kami mengambil masa sekitar 45 minit dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kualanamu ke kampus USU. Sungguhpun kami tidak dapat melihat dengan jelas panorama Kota Medan kerana hari telah pun menginjak malam, namun, kami tidak berasa kecewa, malah, kami tidak sabar menanti hari esok untuk meneroka kota megah ini lagi.

Auditorium USU Tanoto Foundation

merupakan bangunan terbesar di USU yang berfungsi sebagai sambutan majlis konvokesyen yang memuatkan sehingga 1,500 orang.

AUDITORIUM
USU
Berkas Caring dan Berkarya
Tanoto
Foundation





e ISBN 978-967-2776-29-1



9 789672 776291